



Anwar bersama Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz pada sidang media di Gyeongju, Korea Selatan, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar nafi perjanjian timbal balas korban kemerdekaan negara

PM sifatkan kenyataan Dr M tak wajar diambil serius kerana tidak berlandas maklumat tepat

Daripada
Afrina Romzi
bhnews@bh.com.my

di Gyeongju,
Korea Selatan



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas tuduhan Tun Dr Mahathir Mohamad kononnya Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) Malaysia-Amerika Syarikat (AS) umpama negara mengorbankan kemerdekaan.

Beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir itu tidak wajar diambil serius kerana ia berdasarkan maklumat tidak tepat dan bukan bacaan menyeluruh dokumen.

"Biarlah Tun Mahathir itu. Kenapa ganggu dia? Kalau dia marah, dia marah terus apa pun, jadi biarlah.

"Saya tak fikir kita patut serius dengan pandangan dia kerana dia itu bergantung kepada taklimat yang diberikan. Takkan dia nak teliti semua secara terperinci, mencerakin, menelusuri

kandungan itu. Tidak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas hari pertama Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir sebelum ini mendakwa Malaysia mengorbankan kemerdekaan dengan membenarkan AS mengenakan kehendaknya menerusi perjanjian itu.

Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula mendakwa perjanjian itu mengandungi pelbagai peruntukan jerangkap samar atau bom jangka yang memudaratkan Malaysia di masa akan datang.

Perlu timbang tara

Mengulas lanjut, **Anwar** berkata, setiap rundingan perdagangan antarabangsa termasuk membabitkan China, Jepun dan Korea Selatan, sememangnya memerlukan timbang tara.

"Kalau betul kita hanya bagi monopoli sepenuhnya kepada AS, bagaimana boleh kita tangani perjanjian perdagangan bebas dengan negara China?"

"Bagaimana hari ini kita boleh bincang dengan JS Link, dengan Lynas, (berkenaan) nadir bumi oleh syarikat Korea Selatan?" tambah Anwar.

Katanya, semua negara berunding dengan AS berkenaan tarif, termasuk kuasa besar China.

"Dalam mana-mana perundingan ada tolak ansur, apatah lagi pelaburan dia besar, hubungan dia besar. Tapi, kita (tetap) jaga maruah kita," katanya.

Anwar turut menegaskan pentingnya diplomasi yang matang dalam memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam pelaburan global.

Sementara itu, bercakap kepada media sebelum mengakhiri lawatannya semalam, Anwar berkata, sekurang-kurangnya 15 syarikat gergasi AS menyatakan minat sama ada untuk mengembangkan atau memudah cara pelaburan di Malaysia.

Katanya, perkembangan itu susulan kunjungan Presiden AS, Donald Trump ke ibu negara pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang dipengerusikan Malaysia, baru-baru ini.

"Kita bertemu dengan Pakatan Perniagaan AS yang membabitkan syarikat besar negara itu (yang nyatakan minat) sama ada mahu mengembangkan pelaburan atau (menyatakan) beberapa usul untuk memudah cara dari segi pelaburan AS di Malaysia.

"Ini juga tindakan susulan setelah kunjungan Presiden Donald Trump ke Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara syarikat terbabit termasuklah Microsoft, Amazon Web Services, Philip Morris International dan JP Morgan Chase.

"(Syarikat yang menyatakan minat itu meliputi bidang) farmaseutikal, semikonduktor dan perkhidmatan kewangan (melibatkan) sekitar 15 hingga 16 syarikat," katanya mengulas hasil mesyuarat Pakatan Perniagaan APEC-AS yang berlangsung kelmarin.